

## Setempat

Kes 15 anak kapal MV Banga Biraj

# Tak kena tahan

&gt;&gt;Oleh Amir Abd Hamid

amir@hmetro.com.my

**S**HAH ALAM: "Sebenarnya Jabatan Laut tiada peruntukan khusus menjaga keabajikan mana-mana kru kapal luar negara apabila kapal mereka ditahan di pelabuhan negara ini atas kesalahan tertentu.

"Bagaimanapun atas sifat kemanusiaan pegawai kami membantu dengan seadanya," kata Pengarah Laut, Jabatan Laut Wilayah Tengah, Kapten Jailani Jalal berhubung isu 15 anak kapal MV Banga Biraj yang mendakwa terkandas dan hidup susah di negara ini, selepas kapal berkenaan ditahan pihak berkuasa.

Kapal berkenaan ditahan di perairan Pelabuhan Utara sejak 4 Mei tahun lalu selepas mendapat perintah mahkamah.

Menurutnya, semua anak kapal MV Banga Biraj yang terkandas di perairan di Pelabuhan Utara, tidak ditahan, sebaliknya boleh meninggalkan negara ini jika mereka mahu.

Beliau berkata, semua

anak kapal yang masih berada atas kapal yang didaftarkan di Bangladesh itu boleh pulang ke negara asal tetapi mereka mungkin terus berada di negara ini kerana menunggu gaji daripada pemilik kapal.

"Kapal berkenaan ditahan di perairan Pelabuhan Utara berikutan berlaku tuntutan Northport Sdn Bhd selepas dikatakan melanggar dan merosakkan kren di pelabuhan itu dan perintah mahkamah yang diperolehi pada 4 Mei 2010 membolehkan kapal berkenaan ditahan.

"Perintah mahkamah itu menerangkan siapa yang bertanggungjawab terhadap kebajikan anak kapal berkenaan, bukannya Jabatan Laut. Tugas pihak jabatan hanya perlu memastikan kapal itu tidak meninggalkan pelabuhan hingga sampai masa ditamatkan mahkamah.

"Tetapi atas sifat ihsan, setiap bulan kakitangan dan pegawai yang melawat kapal berkenaan turut membawa bekalan minyak dan air bersih," katanya.

Ditanya sama ada insiden

berkenaan pertama kali berlaku, Jailani menjelaskan mengikut undang-undang negara, mana-mana kapal yang terbabit dengan masalah perundangan atau tuntutan boleh ditahan di perairan negara sekiranya mendapat perintah daripada mahkamah.

Katanya, pada tahun ini, ada dua kapal yang ditahan di pelabuhan di negara ini, termasuk kapal berkenaan.

Katanya, kebiasaannya apabila sesebuah kapal berdepan dengan tuntutan atau masalah perundangan maka pemilik kapal membayar denda yang dikenakan dan selepas itu kapal berkenaan dibenarkan meneruskan perjalanan walaupun proses perundangan masih berjalan.

"Sebelum ini memang ada kes kapal dagang ditahan tetapi tidak lama. Kebanyakan mereka membayar denda dan sebagainya kerana perniagaan mereka membabitkan penghantaran kargo dan sebab itu kapal tidak boleh berada terlalu lama di pelabuhan," katanya.

Mengenai MV Banga Biraj, Jailani berkata, sepanjang pengetahuannya anak kapal itu yang didakwa cuba membunuh diri sebenarnya sudah dihantar pulang ke negara asal kira-kira dua bulan lalu.

Isu mengenai 15 anak kapal MV Banga Biraj yang mendakwa terkandas di negara ini selepas kapal berkenaan ditahan pihak berkuasa, disiarkan akhbar berbahasa Inggeris (bukan Kumpulan New Straits Times Press), semalam.

Anak kapal terdiri daripada 13 warga Bangladesh dan dua warga Indonesia mendakwa terpaksa tinggal dalam keadaan tidak selesa termasuk hanya makan nasi, sayur dan kacang dal selepas tidak menerima gaji daripada pemilik kapal berkenaan sejak lapan bulan lalu.

Lapan anak kapal lain sudah meninggalkan negara ini; empat dengan membayar sendiri tiket penerbangan pulang manakala empat lagi pulang ke Bangladesh menaiki kapal lain yang dimiliki syarikat sama.